

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L14936
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah serta pendekatan yang diambil untuk mengurangkan kebergantungan sumber manusia dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan pengangkutan dengan menggantikan teknologi moden yang canggih dan kecerdasan buatan.
2. PN-1543-L14838
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang menstruktur semula sistem pembiayaan kesihatan nasional agar lebih mampan melalui mekanisme *national health insurance* yang inklusif.
3. PN-1543-L15528
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa banyak program Inisiatif Pendapatan Rakyat yang dibuat di Sabah dan apakah peluang-peluang untuk anak-anak muda Sabah mendapat manfaat daripada inisiatif ini.
4. PN-1543-L15211
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jangkaan masa bagi memuktamadkan dokumen *National Strategy for Sustainable Aviation Fuel (SAF)* bagi menyokong matlamat Malaysia untuk menjadi antara pengeluar utama SAF dunia memandangkan pengeluaran SAF dalam negara dijangka bermula sebelum penghujung tahun 2025.

5. PN-1543-L14762
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua majikan berdaftar HRD Corp melaksanakan sekurang-kurangnya satu latihan nilai dan etika kerja MADANI setiap tahun sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan modal insan syarikat.
6. PN-1543-L15053
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pelaburan yang dimeterai oleh Malaysia dan India telah berjalan dan memberikan impak positif kepada Malaysia terutamanya dalam aspek pelaburan syarikat gergasi dari India susulan lawatan Perdana Menteri ke negara tersebut pada tahun lalu.
7. PN-1543-L15103
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah dana yang telah disalurkan kepada Sahabat Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di seluruh Sarawak bagi separuh pertama tahun 2025, dan apakah perancangan terbaharu Kementerian bagi memperkukuhkan bantuan kepada usahawan Sarawak bagi tahun 2026.
8. PN-1543-L15256
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian secara menyeluruh dalam mendidik rakyat untuk mengenal pasti pinjaman berlesen yang sah dan membezakan dengan pinjaman haram seperti 'ah long'.
9. PN-1543-L15343
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran masa depan *future skills* belia dalam teknologi baharu termasuk teknologi kecerdasan buatan (AI), automasi dan keselamatan siber.
10. PN-1543-L14778
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi Kementerian yang belum meluluskan kit ujian sendiri untuk influenza meskipun terdapat kes dan kebimbangan kesihatan awam bermusim.

11. PN-1543-L14819

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan pengasingan sumber sisa pepejal perbandaran pada premis pusat komersial serta sejauh manakah Blueprint Ekonomi Kitaran Sisa Pepejal di Malaysia 2025 - 2035 memastikan pentadbiran sisa pepejal berlaku secara terurus dan seragam memandangkan terdapat pelbagai pihak berkuasa tempatan serta agensi swasta yang terlibat.

12. PN-1543-L15404

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana pelan hala tuju ekonomi utama Kerajaan MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Negara (NSS), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Strategi Pelaburan Hijau (GIS) dan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) telah meningkatkan keyakinan pelabur swasta serta pencapaiannya.

13. PN-1543-L15179

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan isu penamatan pengajian posbasik untuk skim perkhidmatan paramedik dari Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) pada 2 September 2025, mengapa semua calon/pelatih diberi tawaran, lapor diri dan telah diarahkan pulang tanpa sebarang surat rasmi penamatan dan adakah pampasan akan diberikan kepada mereka.

14. PN-1543-L15143

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk menempatkan pegawai khususnya urusan tanah di setiap negeri dan daerah bagi menangani isu pertikaian tanah Orang Asli secara profesional.

15. PN-1543-L15285

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi mempermudah proses dan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pendaftaran lesen nelayan khususnya untuk membolehkan mereka menikmati subsidi diesel.

16. PN-1543-L15425

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan pembangunan fizikal mematuhi peraturan keseimbangan dan kelestarian alam, memandangkan masih berlaku pembangunan yang mengorbankan kawasan awam, seperti penukaran tanah lapang untuk kepentingan komersial.

17. PN-1543-L15250

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) apakah faktor sebenar yang menjadikan kos pelancongan domestik jauh lebih tinggi berbanding destinasi asing khususnya Thailand dan apakah langkah Kementerian untuk memastikan kos logistik, penginapan serta perkhidmatan dalam negeri berupaya menarik minat pelancong berpendapatan rendah dan sederhana; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk bekerjasama dengan Kerajaan negeri, sektor swasta dan komuniti tempatan bagi menggiatkan lagi tarikan domestik agar tidak terus kalah dengan strategi pelancongan lintas sempadan Thailand.

18. PN-1543-L15160

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status sambungan projek Lebuhraya Pan Borneo ke kawasan pedalaman Sarawak dengan jalan - jalan persekutuan yang baharu atau penyambungan *extension* ke kawasan yang berpenduduk yang sesuai.

19. PN-1543-L14988

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan akan mengarahkan sebahagian daripada dana Kerajaan khusus kepada pekebun kecil getah di Sabah termasuk peningkatan kadar Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan pengurusan pembelian oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) supaya negeri Sabah tidak ketinggalan dalam pengagihan insentif nasional; dan
- (b) apakah langkah intervensi Kerajaan bagi mengekang trend peralihan lebih 8,000 pekebun kecil Sabah daripada getah kepada kelapa sawit sejak 2022, termasuk penawaran skim penanaman semula bersubsidi, jaminan pembelian oleh LIGS, dan program insentif bagi generasi muda pekebun.

20. PN-1543-L14830

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai impak sebenar Kerangka Ekonomi MADANI terhadap penstrukturan semula ekonomi berasaskan produktiviti dan nilai tambah tinggi.

21. PN-1543-L15018

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah program budaya diukur daripada sudut kejayaannya. Adakah berjaya diukur dengan jumlah pelancong dan hasil kewangan atau ada wujud Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkaitan seperti jumlah anak muda yang dilatih dalam kraf tradisional, jumlah bahasa yang dipulihara atau kesihatan tapak warisan.

22. PN-1543-L14820

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) status hala tuju integrasi tenaga boleh diperbaharui (RE) dalam grid, khususnya peratusan campuran dan sasaran kapasiti per megawatt menjelang tahun 2030 serta apakah perkembangan terkini berkaitan dengan projek Grid Tenaga ASEAN (APG); dan
- (b) kadar penerimaan Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS).

23. PN-1543-L14725

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bajet untuk bekalan elektrik luar bandar bagi Sarawak pada tahun 2026 khususnya di Daerah Saratok dan Kabong memandangkan setakat Ogos 2025, terdapat 357 permohonan baharu dan melibatkan 1,224 isu rumah yang tiada bekalan elektrik.

24. PN-1543-L15029

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan dan status terkini perancangan projek Pembinaan Persimpangan Lebuhraya PLUS di Kerian dan pelaksanaan projek naik taraf Jalan Persekutuan di Pengkalan Hulu di negeri Perak.

25. PN-1543-L15098
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilangan terkini bekas jalan balak yang telah siap diserahkan kepada Kerajaan Negeri di seluruh negara, dan apakah pertimbangan Kementerian untuk melaksanakan projek naik taraf jalan balak di Sarawak menerusi program Jalan Luar Bandar.
26. PN-1543-L14963
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan justifikasi Kementerian menolak rundingan dengan pihak industri logistik mengenai isu kenderaan lebih muatan *overloading*, serta adakah tindakan tersebut telah mengambil kira cabaran operasi sebenar yang dihadapi oleh industri logistik yang mungkin menyebabkan kenaikan kos pengangkutan dan akhirnya membebankan pengguna.
27. PN-1543-L15270
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek Pan Borneo di Sabah dan projek-projek sakit di bawah kelolaan Kerajaan terutama yang melibatkan hospital dan fasiliti kemudahan awam.
28. PN-1543-L14957
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak ekonomi dan strategik Perjanjian Timbal Balas Perdagangan (ART) dengan Amerika Syarikat terhadap agenda ekonomi Malaysia dan adakah Kerajaan telah menjalankan analisis risiko yang menyeluruh mengenai penggunaan klausa keluar (*exit clause*) yang membawa beberapa risiko ketara dan kesan ekonomi.
29. PN-1543-L15121
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memelihara kawasan hutan simpan dan gua batu kapur di seluruh negara khususnya di negeri Perlis agar kekal terpelihara dan selari dengan agenda pelancongan lestari.

30. PN-1543-L15459

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan kementerian dalam memastikan harga tiket penerbangan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ditetapkan pada kadar berpatutan dan tidak membebankan dan adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan skim diskaun khas atau subsidi separuh harga untuk golongan OKU.

31. PN-1543-L15373

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan untuk pelancongan islamik yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2026.

32. PN-1543-L14723

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status dan jangkaan masa bagi Projek Sambungan Bekalan Air Luar Bandar ke Rumah Basih, Engkala Awik, Daerah Saratok yang memberi manfaat kepada 17 pintu rumah dapat disiapkan sepenuhnya.

33. PN-1543-L14984

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan harga rumah kekal mampu milik, pengawalan harga tanah dilaksanakan, serta pembangunan perumahan dilakukan secara mampan tanpa menjejaskan alam sekitar dalam konteks pembangunan perumahan rakyat di Sabah; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan memperluas akses pembiayaan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 di Sabah, termasuk pelaksanaan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) untuk membina lebih banyak rumah kos rendah di kawasan pertumbuhan baharu.

34. PN-1543-L14872

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi menyeluruh Kerajaan bagi memperkukuh ekonomi pesawah padi yang masih di bawah paras kemiskinan melalui penambahbaikan harga serta meningkatkan akses input pertanian.

35. PN-1543-L14813
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk melaksanakan projek pembekalan tenaga boleh baharu seperti solar dan mini hidro bagi kawasan luar bandar di Sabah.
36. PN-1543-L14924
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan Kementerian berhubung perluasan bas perantara MRT/LRT di Selangor.
37. PN-1543-L14737
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana mekanisme Kementerian dalam menangani masalah kekurangan doktor dan pegawai perubatan di Sarawak memandangkan ramai yang menolak untuk bertugas di Sarawak, terutama sekali di pedalaman.
38. PN-1543-L15470
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana peruntukan sedia ada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan diagihkan secara adil selepas peluasan skop pembiayaan kepada program latihan kemahiran bukan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), memandangkan jumlah pelajar TVET-JPK sedia ada melebihi 21,000 orang dan adakah Kementerian memperuntukkan dana tambahan khusus bagi mengelak pengurangan akses pinjaman kepada pelajar TVET yang berdaftar.
39. PN-1543-L15416
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keberkesanan usaha sedia ada dalam memupuk keusahawanan belia, termasuk akses pembiayaan dan program bimbingan untuk syarikat pemula *startup*.
40. PN-1543-L15232
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membangunkan Pahang sebagai jelapang padi alternatif negara, termasuk penyediaan sistem pengairan, penggunaan benih varieti benih berdaya hasil tinggi dan sokongan lain kepada pesawah sebagai pelan jangka panjang menghadapi krisis makanan pada masa hadapan.

41. PN-1543-L15000

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menangani masalah pembantu rumah warga asing yang dicarumkan dengan PERKESO yang tidak dapat buat tuntutan rawatan seperti yang dicarumkan.

42. PN-1543-L15037

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) dasar atau insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi menyokong penglibatan pengeluar, penyedia perkhidmatan dan pembekal tempatan dalam pembangunan, pembinaan dan operasi infrastruktur *ASEAN POWER GRID* (APG); dan
- (b) perancangan dan langkah Kerajaan melalui Kementerian bagi memastikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN-2025 dapat memanfaatkan secara optimum inisiatif APG kepada industri tempatan, termasuk pelan khusus yang telah atau akan dilaksanakan untuk mengintegrasikan syarikat-syarikat tempatan ke dalam rantai nilai APG serta peluang pelaburan dalam projek interkoneksi tenaga serantau.

43. PN-1543-L14712

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menempatkan doktor pakar dan menambahkan fasiliti kesihatan di Hospital Saratok, memandangkan pesakit-pesakit terpaksa dirujuk ke Hospital Sibu yang sekarang sesak untuk pemeriksaan lanjut.

44. PN-1543-L15089

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri Pahang sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

45. PN-1543-L15330

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap aktiviti *union busting* di *Lumileds Malaysia*; dan

- (b) jumlah orang yang menerima manfaat melalui inisiatif Kad Pekerja MADANI, termasuk pecahan mengikut Negeri bersama bilangan rakan strategik yang terlibat serta jumlah dan peratusan pekerja yang mempunyai kesatuan serta terlibat dalam perundingan kolektif di Malaysia mengikut pecahan tahun 2015 sehingga tahun 2025.
46. PN-1543-L14864
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan bagi menaik taraf tahap fasiliti dan kemudahan di kawasan perumahan rakyat yang berbentuk strata di seluruh negara yang kebanyakannya dalam keadaan daif dan memerlukan perhatian segera.
47. PN-1543-L14855
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah perjawatan para pegawai di Bahagian Pengurusan Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) di seluruh negara kini mencukupi atau tidak bagi menyelesaikan lambakan kes pusaka di seluruh negara.
48. PN-1543-L15144
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membaik pulih dan menambah baik jalan kebun di kampung-kampung termasuk penurapan menggunakan batu kasar Orang Asli terutamanya dalam kawasan Jenderak, Kuala Krau, Pahang .
49. PN-1543-L15021
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan senarai terperinci berhubung jumlah petani yang aktif dan sah yang telah menerima subsidi pada tahun 2024 mengikut negeri dan kawasan parlimen dan apakah mekanisme yang digunakan untuk menghalang wujudnya petani tidak sah atau bayaran pendua daripada dana subsidi tersebut.
50. PN-1543-L14694
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan impak terhadap alam sekitar yang telah dikenal pasti akibat peningkatan operasi pusat data dan pembangunan infrastruktur digital yang pesat di Malaysia, khususnya dari aspek penggunaan tenaga, air dan pelepasan karbon, serta apakah langkah-langkah mitigasi yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan.

51. PN-1543-L15060

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan integrasi pengangkutan awam bandar melibatkan sistem rel, bas, dan pengangkutan pertama-terakhir *first-last mile* serta sasaran pengurangan kesesakan lalu lintas menjelang tahun 2026.

52. PN-1543-L14811

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peluang latihan kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk belia luar bandar Sabah pada tahun 2026.

53. PN-1543-L15201

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bersama Kerajaan Negeri Terengganu dalam usaha mengatasi masalah hakisan pantai yang semakin kritikal di negeri tersebut.

54. PN-1543-L15120

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan telah mengadakan sesi libat urus dan rundingan dengan Kerajaan negeri, khususnya berkaitan industri unsur nadir bumi mentah (REE), sebelum menandatangani perjanjian timbal balik perdagangan (ART) antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

55. PN-1543-L15524

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan Kementerian dalam memastikan kampung Orang Asli di kawasan pedalaman mendapat akses kepada bekalan elektrik yang stabil dan mampan termasuk boleh baharu.

56. PN-1543-L14974

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tahap kebersediaan Hospital Pasir Gudang untuk beroperasi sepenuhnya bermula tahun 2026 setelah ditangguhkan akibat dari kekurangan doktor perubatan, jururawat dan kakitangan.

57. PN-1543-L14903

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menguruskan sisa buangan di kawasan perairan negara yang datang dari negara jiran dan membawa lambakan sisa buangan ke kawasan perairan dan persisir negara Malaysia.

58. PN-1543-L15413

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) penjelasan mengenai kenyataan Laporan Ekonomi Perbendaharaan berhubung kajian pelaksanaan kenaikan gaji tahunan berstruktur sejajar inflasi dan produktiviti; dan
- (b) b) penjelasan maksud *leap jump* dalam konteks cadangan kenaikan gaji minimum bagi mencapai 45% bahagian pendapatan buruh menjelang 2033.

59. PN-1543-L15359

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan Kerajaan untuk membangunkan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien di Seremban termasuk kemungkinan memperluas perkhidmatan KTM Komuter atau sistem pengangkutan awam yang lain.

60. PN-1543-L14926

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) pelaksanaan perbandaran pintar (*smart city*) di Selangor ; dan
- (b) bagaimana Kerajaan Persekutuan menyokong transformasi digital Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk yang tinggal di pangsapuri.

61. PN-1543-L14890

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan cadangan untuk merundingkan semula Perjanjian Timbal Balas antara Amerika Syarikat dan Malaysia yang dilihat berat sebelah selain peruntukan klausa yang bakal memberikan kesan terhadap masa depan negara termasuklah dalam soal pengurusan nadir bumi (REE).

62. PN-1543-L15509

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mempercepat penyaluran biasiswa kepada pelajar Orang Asli di Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang mengalami kelewatan pembayaran.

63. PN-1543-L14897

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam memastikan bekalan beras tempatan dalam negara mencukupi dan mengurangkan kebergantungan kita terhadap bekalan beras import.

64. PN-1543-L15181

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini untuk pelaksanaan program Rakan KKM dan apakah faktor-faktor yang melewatkan pelaksanaan program ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan program ini berjaya dilancarkan.

65. PN-1543-L15026

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi untuk memelihara dan memperluas lagi bank tanah untuk padi yang kekal memandangkan banyak tanah sawah padi ditukar kepada pembangunan.

66. PN-1543-L15222

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk menetapkan had waktu khusus seperti United Kingdom dalam penjualan arak di premis di seluruh negara seperti kedai serbaneka 24 jam memandangkan kebanyakan kes pemandu mabuk berlaku pada waktu malam dan awal pagi.

67. PN-1543-L15117

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pensijilan halal JAKIM akan terjejas daripada sudut hak autonomi pengawalan status halal ke atas produk import dari Amerika Syarikat ekoran daripada perjanjian timbal balas perdagangan (ART) antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

68. PN-1543-L15514

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa Orang Asli dalam pendidikan anak-anak mereka.

69. PN-1543-L15082

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang menawarkan elaun penempatan semula kepada doktor yang ditempatkan ke Sarawak dan Sabah sebagai satu insentif untuk menggalakkan penerimaan penawaran penempatan semula.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R.30/2025) | Rang Undang-undang Perbekalan 2026
– Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.

[9 Disember 2025]

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.38/2025) | Rang Undang-undang Kewangan 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | (D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 5. | (D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 6. | (D.R.37/2025) | Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025

[Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan Kali Yang Kedua |

7. (D.R.35/2025) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
8. (D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
9. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Perpaduan Negara]
10. (D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Jabatan Perdana Menteri]
11. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Komunikasi]

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 12. (D.R.42/2025) | Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 13. (D.R.43/2025) | Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |